

Institut Teknologi Mara
Cawangan Perlis
02600, Arau
Perlis

Asas Keusahawanan
(ETR 300)

Conquest Waste Disposal Services
Lot 78, Mk 1
Perai, 13600
Seberang Perai
Pulau Pinang

Disediakan oleh:

- | | |
|------------------------------|----------|
| 1. Azizul Hadi b. Abdul Aziz | 96574673 |
| 2. Hairil b. Sahar | 96591351 |
| 3. Helmi b. Hanapi | 96869673 |
| 4. Irwan Effendy b. Ismail | 96830287 |
| 5. Che Hairul b. Che Mastar | 96857088 |

Diploma Perakaunan
Institut Teknologi Mara
Cawangan Perlis

Disediakan Kepada:

Puan Maziah bt. Onn
Pensyarah Asas Keusahawanan (ETR300)
Diploma Perakaunan 5B, sesi Mei-Okt '98
Institut Teknologi Mara
Cawangan Perlis

4 hb. September 1998

Isi kandungan:

	<u>MUKA SURAT</u>
➤ Surat kuasa daripada pihak ITM	I
➤ Surat penyerahan	II
➤ Muqaddimah	1
➤ Sekalung budi	2
➤ Pengenalan	3
➤ Tujuan penyediaan rancangan peerniagaan	4
➤ Sinopsis	5
➤ Perjanjian perniagaan	6
➤ Latar belakang firma	9
➤ Logo perniagaan	10
➤ Latar belakang operasi perniagaan	12
➤ Tujuan penubuhan dan ciri-ciri perniagaan	13
➤ Latar belakang pekongsi	14
➤ Rancangan pentadbiran	18
➤ Rancangan operasi	32
➤ Rancangan pemasaran	48
➤ Rancangan kewangan	75
➤ Rumusan	106
➤ Lampiran	

PENGENALAN

Conquest Waste Disposal Services adalah merupakan sebuah perniagaan perkongsian yang menyediakan perkhidmatan mengangkut sisa-sisa industri yang dikeluarkan oleh kilang-kilang yang terletak di dalam Kawasan Perindustrian Perai, Pulau Pinang. Sisa-sisa yang dipungut akan diagihkan untuk dikitar semula atau dilupuskan.

Perniagaan perkongsian ini akan beroperasi di atas tapak kepunyaan kilang Malayawata Steel Co. Tapak ini dipilih adalah kerana ianya terletak berhampiran dengan jalan utama iaitu Jalan Perusahaan Perai. Ianya juga terletak di dalam Kawasan Perindustrian Perai. Oleh itu, ianya membolehkan kami memberi khidmat yang lebih cekap kerana tapak operasi perniagaan kami berhampiran dengan kilang-kilang pelanggan. Perniagaan ini dijangkakan akan beroperasi pada Januari 2000.

Para pelanggan kami merupakan kilang-kilang yang berada di dalam Kawasan Perindustrian Perai yang mana jumlah keseluruhan kilang yang terdapat di kawasan tersebut ialah sebanyak 398 buah kilang.

Sinopsis

Conquest Waste Disposal Services adalah sebuah perniagaan yang terhasil daripada usaha-usaha perkongsian lima orang rakan kongsi. Perniagaan ini akan bermula beroperasi pada satu Januari 2000 di kawasan Perindustrian Perai. Lokasi perniagaan ini terletak di alamat Lot 78, Mk 1, Perai 13600 Seberang Perai, Pulau Pinang.

Perniagaan ini di uruskan oleh lima pekongsi yang bertindak mengikut tugas-tugas tertentu seperti Pengurus Besar, Pengurus Pentadbiran, Pengurus Operasi, Pengurus Pemasaran dan Pengurus Kewangan. Dalam usaha mencapai matlamat perniagaan, beberapa aspek penting adalah diberi penekanan di dalam penubuhan perniagaan ini iaitu daripada aspek pentadbiran, kewangan, pemasaran dan operasi. Bagi memastikan pengurusan perniagaan yang baik, pihak kami telah mengambil beberapa orang pekerja yang dapat membantu dalam melicinkan proses perniagaan.

Kegiatan utama perniagaan kami ini adalah mengangkut dan mengagihkan sisa-sisa industri untuk dilupuskan atau dikitar semula. Dalam penubuhan perniagaan ini modal yang diperlukan adalah sebanyak RM 2000000 yang mana RM 500000 adalah sumbangan setiap rakan kongsi dan selebihnya adalah pinjaman daripada RHB Bank. Pelanggan-pelanggan utama kami adalah terdiri daripada kilang-kilang yang terletak di dalam Kawasan Perindustrian Perai, Pulau Pinang. Di dalam kawasan ini terdapat sebanyak 398 buah kilang yang mana kami menganggarkan syer pasaran kami adalah sebanyak 5%. Setiap perniagaan yang wujud seharusnya mempunyai pesaing. Kebanyakan pesaing kami terdidri daripada golongan bukan bumiputera oleh kerana perniagaan ini jarang diceburi oleh golongan bumiputera, oleh itu kami mengambil peluang ini bagi mewujudkan saingan kepada pesaing-pesaing yang sedia ada.

LATAR BELAKANG FIRMA

NAMA PERNIAGAAN: CONQUEST WASTE DISPOSAL SERVICES

ALAMAT PERNIAGAAN: Lot 78 Mk. 1, PERAI, 13600 Seberang Perai, PULAU PINANG.

NO. TELEFON: 04-3991919

NO.FAKS: 04-3841919

E-MAIL: conquest@mailcity.com

JENIS PERNIAGAAN: PERKONGSIAN

KEGIATAN PERNIAGAAN: MEMUNGUT DAN MEMUNGGAH SISA INDUSTRI UNTUK DILUPUSKAN ATAU DIKITAR SEMULA

MODAL: RM 2 JUTA